



NEGERI SELANGOR

# Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

*GOVERNMENT OF SELANGOR GAZETTE*

*PUBLISHED BY AUTHORITY*

---

---

**Jil. 71**

**8hb November 2018**

**No. 23**

---

---

AKTA MAHKAMAH RENDAH 1948

(Akta 92)

SUBORDINATE COURTS ACT 1948

(Act 92)

**No. 4233.**

PELANTIKAN MAJISTRET KELAS KEDUA DI BAWAH SEKSYEN 79

APPOINTMENT OF SECOND CLASS MAGISTRATE UNDER SECTION 79

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 79 Akta Mahkamah Rendah 1948 [*Akta 92*], Pihak Berkuasa Negeri Selangor dengan ini melantik pegawai yang dinamakan dalam ruang (1) Jadual untuk memegang jawatan yang dinyatakan dalam ruang (2) mulai dari tarikh yang dinyatakan dalam ruang (3).

In exercise of the powers conferred by section 79 of the Subordinate Courts Act 1948 [*Act 92*], the State Authority of Selangor hereby appoints the officer named in column (1) of the Schedule to hold the office as specified in column (2) with effect from the date specified in column (3).

## JADUAL/SCHEDULE

(1) Nama/Name	(2) Jawatan/Office	(3) Tarikh/Date
1. Shahida binti Ab Samad (KP./NRIC. 870926-14-5836)	Majistret Kelas Kedua/ Second Class Magistrate	26-12-2017

Bertarikh 4 Oktober 2018

Dated 4 October 2018

[JKPTG-700/500-2/4/2 Jld. 2]

AMIRUDIN BIN SHARI

*Dato' Menteri Besar Selangor/  
Dato' Menteri Besar of Selangor*

**No. 4234.**

## AKTA PERWAKILAN KUASA 1956

## PERWAKILAN DI BAWAH SEKSYEN 9

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 9 Akta Perwakilan Kuasa 1956 [*Akta 358*], Saya, Amirudin bin Shari, Dato' Menteri Besar Selangor mewakilkan kuasa di bawah seksyen 17 Akta Tatacara Kewangan 1957 [*Akta 61*] kepada pegawai-pegawai berikut untuk melupuskan dan menghapus kira nilai aset kepunyaan Kerajaan Negeri Selangor tertakluk kepada had dan nilai perolehan asalnya seperti berikut:

## (A) Melupuskan Aset Kerajaan

## (i) Pegawai Kewangan Negeri

- (a) Nilai asal perolehan aset Kerajaan tidak lebih daripada RM200,000.00 bagi tiap-tiap barang individu dan tidak lebih daripada RM1,000,000.00 bagi nilai agregatnya untuk semua kaedah pelupusan;

## (ii) Pegawai Pengawal/Ketua Jabatan

- (a) Nilai asal perolehan aset Kerajaan tidak lebih daripada RM50,000.00 bagi tiap-tiap barang individu dan tidak lebih daripada RM500,000.00 bagi nilai agregatnya untuk semua kaedah pelupusan kecuali hadiah dan kaedah lain yang tidak dinyatakan dalam Tatacara Pengurusan Aset hendaklah dirujuk kepada Pegawai Kewangan Negeri.

## (B) Menghapus Kira Kehilangan Aset Kerajaan

## (i) Pegawai Kewangan Negeri

- (a) Nilai asal perolehan aset Kerajaan tidak lebih daripada RM200,000.00 bagi tiap-tiap barang individu dan tidak lebih daripada RM1,000,000.00 bagi nilai agregatnya untuk semua jenis hapus kira termasuk kehilangan yang melibatkan kecurian, penipuan atau kecuaiian pegawai awam.

## (ii) Pegawai Pengawal/Ketua Jabatan

- (a) Nilai asal perolehan aset Kerajaan tidak melebihi RM50,000.00 bagi tiap-tiap barang individu dan tidak lebih daripada RM500,000.00 bagi nilai agregatnya untuk semua jenis hapus kira kecuali yang disebabkan oleh kecurian, penipuan atau kecuaiian pegawai awam hendaklah dirujuk kepada Pegawai Kewangan Negeri.

2. Perwakilan kuasa ini adalah khusus untuk semua aset meliputi Aset Alih, Aset Hidup, Aset Tak Ketara dan Stok. Bagi had nilai kuasa melulus yang tidak dinyatakan di dalam *Warta* ini, hendaklah dikemukakan kepada Perbendaharaan Negeri untuk diangkat kepada Dato' Menteri Besar Selangor.

3. Semua pelupusan dan hapus kira yang dijalankan oleh pegawai itu hendaklah mengikut tatacara yang dinyatakan dalam Pekeliling Perbendaharaan iaitu Tatacara Pengurusan Aset Alih Kerajaan, Tatacara Pengurusan Aset Hidup Kerajaan, Tatacara Pengurusan Aset Tak Ketara dan Tatacara Pengurusan Stor Kerajaan yang sedang berkuat kuasa dan apa-apa arahan lain yang dikeluarkan oleh Perbendaharaan Negeri dari semasa ke semasa.

Penurunan kuasa ini hendaklah disifatkan telah mula berkuat kuasa pada 19 Jun 2018.

Pembatalan

*Warta* Kerajaan Negeri No. 5429 bertarikh 20 Disember 2012 adalah dibatalkan.

AMIRUDIN BIN SHARI  
*Dato' Menteri Besar  
Selangor*

No. 4235.

AKTA EKSAIS 1976

(Akta 176)

PERATURAN-PERATURAN EKSAIS (LEMBAGA PELESENAN) 1977

(P.U. (A) 155/77)

MESYUARAT LEMBAGA PELESENAN EKSAIS DAERAH KLANG

Adalah diberitahu bahawa Mesyuarat Lembaga Pelesenan Eksais Daerah Klang untuk menimbangkan pelbagai permohonan Lesen Minuman Keras akan diadakan pada 14 November 2018 (Rabu) jam 9.00 pagi bertempat di Bilik Gerakan Daerah, Aras 2, Pejabat Daerah/Tanah Klang.

2. Semua permohonan Lesen hendaklah dikemukakan sebanyak empat (4) salinan dan dikemukakan semula kepada Pengerusi Lembaga Pelesenan Eksais Daerah Klang tidak lewat daripada tempoh empat (4) minggu iaitu sebelum atau pada 28 September 2018 (Jumaat). Permohonan yang dikemukakan selepas tarikh tutup permohonan tersebut akan ditolak.

Tarikh Tutup Permohonan	Tarikh Mesyuarat Diadakan
28 September 2018 (Jumaat)	14 November 2018 (Rabu)

3. Permohonan mendapatkan Lesen ini hendaklah diiklankan atas perbelanjaan sendiri dengan cara:

(a) Mengiklankan selama satu (1) hari dalam mana-mana surat khabar tempatan dan menampal notis di premis di mana perniagaan hendak dijalankan selama lima (5) minggu bagi permohonan mendapat lesen baharu atau menukar tempat perniagaan. Semua perbelanjaan berkaitan adalah ditanggung oleh pemohon.

(b) Menampalkan salinan borang permohonan tersebut di bangunan di mana perniagaan itu akan dijalankan selama lima (5) minggu iaitu mulai pada 10 Oktober 2018 (Rabu) sehingga tarikh mesyuarat berlangsung.

4. Sebarang bantahan terhadap mana-mana permohonan di atas hendaklah disampaikan kepada Pengerusi Lembaga Pelesenan di alamat Pejabat Daerah/Tanah Klang, Jalan Kota, 41902 Klang selewat-lewatnya sepuluh (10) hari sebelum tarikh mesyuarat iaitu pada atau sebelum 5 November 2018 (Isnin).

Bertarikh 16 Oktober 2018  
[PDTK/PK/600-1 Jld. 15]

ZULKIFLI BIN OSMAN  
*Ketua Penolong Pegawai Daerah  
Pejabat Daerah/Tanah  
Klang*

KANUN TANAH NEGARA  
(Akta 56 tahun 1965)NATIONAL LAND CODE  
(Act 56 of 1965)**No. 4236.**

PELANTIKAN DI BAWAH PERENGGAN 12(1)(b)

APPOINTMENT UNDER PARAGRAPH 12(1)(b)

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh perenggan 12(1)(b) Kanun Tanah Negara [*Akta 56 tahun 1965*], Pihak Berkuasa Negeri Selangor dengan ini melantik pegawai yang dinamakan dalam ruang (1) Jadual untuk memegang jawatan yang dinyatakan dalam ruang (2) mulai dari tarikh yang dinyatakan dalam ruang (3).

In exercise of the powers conferred by paragraph 12(1)(b) of the National Land Code [*Act 56 of 1965*], the State Authority of Selangor hereby appoints the officer named in column (1) of the Schedule to hold the office as specified in column (2) with effect from the date specified in column (3).

## JADUAL/SCHEDULE

(1) Nama/Name	(2) Jawatan/Office	(3) Tarikh/Date
Shahida binti Ab Samad (KP/NRIC. 870926-14-5836)	Penolong Pentadbir Tanah/ Assistant Land Administrator	26-12-2017

Bertarikh 1 Oktober 2018

Dated 1 October 2018

[JKPTG-700/500-2/4/2 Jld. 2;

P.U. Sel. (ADV) 5/4/2 Jld. 4]

DATO' MOHD AMIN BIN AHMAD AHYA  
*Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor/  
State Secretary of Selangor*

**No. 4237.**

PELANTIKAN DI BAWAH PERENGGAN 12(1)(b)

APPOINTMENT UNDER PARAGRAPH 12(1)(b)

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh perenggan 12(1)(b) Kanun Tanah Negara [*Akta 56 tahun 1965*], Pihak Berkuasa Negeri Selangor dengan ini melantik pegawai yang dinamakan dalam ruang (1) Jadual untuk memegang jawatan yang dinyatakan dalam ruang (2) mulai dari tarikh yang dinyatakan dalam ruang (3).

In exercise of the powers conferred by paragraph 12(1)(b) of the National Land Code [*Act 56 of 1965*], the State Authority has appointed of the persons named in column (1) of the Schedule to hold the offices of specified in column (2) with effect from the dates specified in column (3).

## JADUAL/SCHEDULE

(1) Nama/Name	(2) Jawatan/Office	(3) Tarikh/Date
Norhidayah binti Saari (KP./NRIC. 860105-43-5474)	Timbalan Pendaftar Hakmilik Negeri Selangor/ <i>Deputy Registrars of Title State of Selangor</i>	1-8-2018
Zarina binti Abdul Rahim (KP./NRIC. 770321-14-5368)	Timbalan Pendaftar Hakmilik Negeri Selangor/ <i>Deputy Registrars of Title State of Selangor</i>	1-3-2018

Bertarikh 12 September 2018

Dated 12 September 2018

[PTGS/BDP 06/10/2005;

P.U. Sel. (ADV) PS05/4/2 Jld. 5]

DATO' MOHD AMIN BIN AHMAD AHYA  
*Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor/  
State Secretary of Selangor*

**No. 4238.**

PELANTIKAN DI BAWAH PERENGGAN 12(1)(b)

APPOINTMENT UNDER PARAGRAPH 12(1)(b)

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh perenggan 12(1)(b) Kanun Tanah Negara [*Akta 56 tahun 1965*], Pihak Berkuasa Negeri telah melantik Erna binti Zakaria (KP. 810201-08-5042) sebagai Penolong Pentadbir Tanah bagi Daerah Kuala Selangor berkuat kuasa mulai 4 Mei 2016.

In exercise of the powers conferred by paragraph 12(1)(b) of the National Land Code [*Act 56 of 1965*], the State Authority has appointed Erna binti Zakaria (NRIC. 810201-08-5042) as the Assistant Land Administrator for the District of Kuala Selangor with effect from 4 May 2016.

Bertarikh 5 Oktober 2018

Dated 5 October 2018

[PTGS/BDP 06/05/2005;

P.U. Sel. (ADV) PS05/4/2 Jld. 5]

DATO' MOHD AMIN BIN AHMAD AHYA  
*Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor/  
State Secretary of Selangor*

**No. 4239.**

PELANTIKAN DI BAWAH PERENGGAN 12(1)(b)

APPOINTMENT UNDER PARAGRAPH 12(1)(b)

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh perenggan 12(1)(b) Kanun Tanah Negara [*Akta 56 tahun 1965*], Pihak Berkuasa Negeri telah melantik Norahen binti Shahid (KP. 620409-10-6108) sebagai Penolong Pentadbir Tanah bagi Daerah Gombak berkuat kuasa mulai 1 Ogos 2015.

In exercise of the powers conferred by paragraph 12(1)(b) of the National Land Code [*Act 56 of 1965*], the State Authority has appointed Norahen binti Shahid (NRIC. 620409-10-6108) as the Assistant Land Administrator for the District of Gombak with effect from 1 August 2015.

Bertarikh 23 April 2018

Dated 23 April 2018

[PTGS/BDP 06/03/2005;

P.U. Sel. (ADV) PS05/4/2 Jld. 5]

DATO' MOHD AMIN BIN AHMAD AHYA  
*Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor/  
State Secretary of Selangor*

**No. 4240.**

PEMBATALAN PELANTIKAN DI BAWAH PERENGGAN 12(1)(b)

REVOCATION OF APPOINTMENT UNDER PARAGRAPH 12(1)(b)

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh perenggan 12(1)(b) Kanun Tanah Negara [*Akta 56 tahun 1965*], Pihak Berkuasa Negeri telah membatalkan pelantikan Ismail bin Md Said (KP. 580401-10-6679) sebagai Penolong Pentadbir Tanah bagi Daerah Hulu Langat berkuat kuasa mulai 3 April 2018.

In exercise of the powers conferred by paragraph 12(1)(b) of the National Land Code [*Act 56 of 1965*], the State Authority has revoked the appointment of Ismail bin Md. Said (NRIC. 580401-10-6679) as the Assistant Land Officer in and for the District of Hulu Langat with effect from 3 April 2018.

Bertarikh 23 April 2018

Dated 23 April 2018

[PTGS/BDP 06/07/2005;

P.U. Sel. (ADV) PS05/4/2 Jld. 5]

DATO' MOHD AMIN BIN AHMAD AHYA  
*Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor/  
State Secretary of Selangor*

**No. 4241.**

[Subseksyen 62(1)]

PERIZABAN TANAH KERAJAAN BAGI MAKSUD AWAM

[Subsection 62(1)]

RESERVATION OF STATE LAND FOR PUBLIC PURPOSE

PEMBETULAN

CORRIGENDUM

Dalam Pemberitahuan *Warta* No. 1353 yang disiarkan pada 12 April 2018, dalam Jadual, potong perkataan “Daerah/*District*—Petaling. Mukim/*Mukim*—Bukit Raja. No. Pelan/*Plan No.*—P.A. 206693. No. Lot/*Lot No.*—85693. Luas/*Area*—18.24 hektar/*hectares*.”

[PTD.P 11/77/2007; P.U. Sel. (ADV) PS.05/4/3 Jld. 5]”.

In the *Gazette* Notification No. 1353 published on 12 April 2018, in the Schedule, delete the words “Daerah/*District*—Petaling. Mukim/*Mukim*—Bukit Raja. No. Pelan/*Plan No.*—P.A. 206693. No. Lot/*Lot No.*—85693. Luas/*Area*—18.24 hektar/*hectares*.”

[PTD.P 11/77/2007; P.U. Sel. (ADV) PS.05/4/3 Jld. 5]”.

[PTD.P 11/77/2007; P.U. Sel. (ADV) PS.05/4/3 Jld. 5]

**No. 4242.**

[Subseksyen 62(1)]

PERIZABAN TANAH KERAJAAN BAGI MAKSUD AWAM

[Subsection 62(1)]

RESERVATION OF STATE LAND FOR PUBLIC PURPOSE

PEMBETULAN

CORRIGENDUM

Dalam Pemberitahuan *Warta* No. 3206 yang disiarkan pada 30 Ogos 2018, dalam Jadual, dalam Lot 226 gantikan perkataan “[PTG. 9/1/13/2016; P.U. Sel. (ADV) PS.05/4/3 Jld. 5]” dengan perkataan “[PTG. 9/2/44/2016; P.U. Sel. (ADV) PS.05/4/3 Jld. 5]”.

In the *Gazette* Notification No. 3206 published on 30 August 2018, in the Schedule in Lot 226 substitute for the words “[PTG. 9/1/13/2016; P.U. Sel. (ADV) PS.05/4/3 Jld. 5]” with the words “[PTG. 9/2/44/2016; P.U. Sel. (ADV) PS.05/4/3 Jld. 5]”.

[PTG. 9/2/44/2016; P.U. Sel. (ADV) PS.05/4/3 Jld. 5]



**No. 4243.**

[Subseksyen 62(1)]

PERIZABAN TANAH KERAJAAN BAGI MAKSUD AWAM

[Subsection 62(1)]

RESERVATION OF STATE LAND FOR PUBLIC PURPOSE

PEMBETULAN

CORRIGENDUM

Dalam Pemberitahuan *Warta* No. 3222 yang disiarkan pada 30 Ogos 2018, dalam Jadual, gantikan perkataan “[PTG. 9/1/3/2013; P.U. Sel. (ADV) PS.05/4/3 Jld. 5]” dengan perkataan “[PTG. 9/1/13/2013; P.U. Sel. (ADV) PS.05/4/3 Jld. 5]”.

In the *Gazette* Notification No. 3222 published on 30 August 2018, in the Schedule substitute for the words “[PTG. 9/1/3/2013; P.U. Sel. (ADV) PS.05/4/3 Jld. 5]” with the words “[PTG. 9/1/13/2013; P.U. Sel. (ADV) PS.05/4/3 Jld. 5]”.

[PTG. 9/1/13/2013; P.U. Sel. (ADV) PS.05/4/3 Jld. 5]

**No. 4244.**

[Subseksyen 62(1)]

PERIZABAN TANAH KERAJAAN BAGI MAKSUD AWAM

[Subsection 62(1)]

RESERVATION OF STATE LAND FOR PUBLIC PURPOSE

PEMBETULAN

CORRIGENDUM

Dalam Pemberitahuan *Warta* No. 3215 yang disiarkan pada 30 Ogos 2018, dipinda dalam Jadual dalam Lot 42271, dengan memasukkan perkataan “P.A. 84943” selepas perkataan “P.A. 84942”.

In the *Gazette* Notification No. 3215 published on 30 August 2018, is amended in the Schedule in Lot 42271, by inserting for the word “P.A. 84943” after the word “P.A. 84942”.

[PDTK/T/PT/600-2/18/2018-12; P.U. Sel. (ADV) PS.05/4/3 Jld. 5]

**No. 4245.**

[Subseksyen 62(1)]

PERIZABAN TANAH KERAJAAN BAGI MAKSUD AWAM

[Subsection 62(1)]

RESERVATION OF STATE LAND FOR PUBLIC PURPOSE

PEMBETULAN

CORRIGENDUM

Dalam Pemberitahuan *Warta* No. 3597 yang disiarkan pada 27 September 2018, dalam Jadual, gantikan perkataan “*Persatuan Rumah Berhala Sau Seng Lum*” dengan perkataan “*Pertubuhan Ajaran Buddha Wujin Kuala Langat*”.

In the *Gazette* Notification No. 3597 published on 27 September 2018, in the Schedule, substitute for the words “*Persatuan Rumah Berhala Sau Seng Lum*” with the words “*Pertubuhan Ajaran Buddha Wujin Kuala Langat*”.

[PTK.Lgt. F8/1/547/2015; P.U. Sel. (ADV) PS.05/4/3 Jld. 5]

**No. 4246.**

[Subseksyen 64(2)]

NOTIS CADANGAN PEMBATALAN PERIZABAN TANAH BAGI MAKSUD AWAM

[Subsection 64(2)]

NOTICE OF PROPOSED REVOCATION OF RESERVATION OF LAND FOR A  
PUBLIC PURPOSE

Bahawasanya, melalui Pemberitahuan No. 155 yang disiarkan dalam *Warta* Kerajaan Negeri Selangor pada 2 Januari 1921, pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 9 Enakmen Tanah 1911, Residen Selangor telah mengisytiharkan bahawa petak tanah yang diperihalkan dalam Jadual dan ditandakan di atas Pelan Hasil Ukur No. 13,729 yang disimpan di Pejabat Pengarah Ukur dan Pemetaan Selangor, adalah dirizabkan bagi maksud awam iaitu tujuan “*Government building—viz, cooly lines*” dan dikawal oleh “*State Engineer Selangor, Kuala Lumpur*”:

Dan bahawasanya, melalui Sel. P.U. 17 yang disiarkan dalam *Warta* Kerajaan Negeri Selangor pada 7 Jun 1984, Raja dalam Mesyuarat telah mewakili perjalanan kuasanya di bawah seksyen 64 Kanun Tanah Negara kepada Menteri Besar Selangor:

Dan bahawasanya, adalah didapati suai manfaat sekarang oleh Menteri Besar Selangor supaya keseluruhan perizaban yang disebut terdahulu itu dibatalkan:

Dan bahawasanya, notis mengenai cadangan untuk membatalkan keseluruhan perizaban yang diperihalkan dalam Jadual berserta dengan butir mengenai masa dan tempat di mana suatu siasatan akan diadakan oleh Pengarah Tanah dan Galian Negeri Selangor untuk mendengar mana-mana orang yang berhasrat untuk membantah terhadap pembatalan itu telah ditampalkan mengikut peruntukan seksyen 433 Kanun Tanah Negara dan juga telah disiarkan di dalam *Warta Kerajaan Negeri Selangor* No. 3225 pada 30 Ogos 2018 dan bahawasanya siasatan pada hari tersebut ditangguhkan atas sebab masalah teknikal dengan demikian notis tersebut dibatalkan.

Maka oleh yang demikian, Menteri Besar Selangor, pada menjalankan kuasa di bawah subseksyen 64(1) Kanun Tanah Negara yang diberikan kepada Raja dalam Mesyuarat dan diwakilkan kepadanya, sekali lagi memberikan notis di bawah subseksyen 64(2) Kanun Tanah Negara mengenai cadangan untuk membatalkan perizaban yang disebut terdahulu yang diperihalkan dalam Jadual dan mana-mana orang yang berhasrat untuk membantah pembatalan itu akan didengar oleh Pengarah Tanah dan Galian Negeri Selangor di suatu siasatan yang akan diadakan di Bilik Mesyuarat Gemilang 1, Pejabat Tanah dan Galian Negeri Selangor, Tingkat Empat, Bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, Shah Alam, Selangor pada pukul 10.00 pagi pada 23 November 2018.

## JADUAL

Daerah—Petaling. Mukim—Sungai Buloh. No. Pelan—13,729. No. Lot—274. Luas—14 ekar, 30 pole.

Bertarikh 4 Oktober 2018  
[PTD.P 11/7/2017/MISC;  
P.U. Sel. (ADV) PS 05/4/3 Jld. 5]

AMIRUDIN BIN SHARI  
*Dato' Menteri Besar  
Selangor*

Whereas, by Notification No. 155 published in the *Government Gazette* of the State of Selangor on 2 January 1921, in exercise of the powers under section 9 of the Land Enactment 1911, the Resident of Selangor had proclaimed that the parcel of land described in the Schedule and delineated upon Revenue Survey Plan No. 13,729 deposited in the office of the Director of Survey and Mapping of Selangor, to be reserved for public purpose of a site Government building—viz., cooly lines and to be maintained by the State Engineer, Selangor, Kuala Lumpur:

And whereas, by Sel. P.U. 17 published in the *Government Gazette* of the State of Selangor on 7 June 1984, the Ruler in Council of Selangor has delegated the exercise of its powers under section 64 of the National Land Code to the Menteri Besar of Selangor:

And whereas, it now appears expedient to the Menteri Besar of Selangor that the whole of the aforesaid reservation should be revoked:

And whereas, notice of the proposal to revoke the whole of the aforesaid reservation as described in the Schedule together with details of the time and place at which an enquiry would be held by the State Director of Lands and Mines of Selangor to hear any person desiring to object to such revocation was affixed in accordance with the provisions of section 433 of the National Land Code and was also published in the *Gazette* the Government of the State of Selangor No. 3225 on 30 August 2018 and that the enquiry could not be held on that day due to technical problem, therefore the notice was cancelled:

Now therefore, the Menteri Besar of Selangor, in exercise of the powers under subsection 64(1) of the National Land Code conferred upon the Ruler in Council and delegated to him, once again gives the notice under subsection 64(2) of the National Land Code of the proposal to revoke the aforesaid reservation as described in the Schedule, and that any person who desired to object against such revocation will be heard by the State Director of Lands and Mines of Selangor at an enquiry to be held at the Gemilang 1 Meeting Room, Land and Mines Office of the State of Selangor, Level Four, Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah Building, Shah Alam, Selangor at 10.00 a.m. on 23 November 2018.

## SCHEDULE

District—Petaling. Mukim—Sungai Buloh. Plan No.—13,729. Lot No.—274.  
Area—14 acres, 30 poles.

Dated 4 October 2018  
[PTD.P 11/7/2017/MISC;  
P.U. Sel. (ADV) PS 05/4/3 Jld. 5]

AMIRUDIN BIN SHARI  
*Dato' Menteri Besar*  
*Selangor*

**No. 4247.**

(Seksyen 97 dan 98)

## NOTIS TUNTUTAN: HASIL TERHUTANG

Kepada Gobal a/l Muniandy yang beralamat di 45 Jalan Melor, Taman Pertama, 45200 Sabak Bernam, Selangor, tuannya tanah/tanah-tanah yang diperihalkan dalam ruangan pertama dan kedua dalam Jadual di bawah ini.

Bahawasanya sewa yang dikenakan bagi tanah/tanah-tanah tersebut dan yang genap masa berkenaan dengan tahun ini masih belum dibayar dan mulai dari 1hb Jun, adalah dalam tunggakan.

Kamu adalah dengan ini dikehendaki, dalam tempoh tiga bulan dari tarikh notis ini disampaikan, supaya membayar di Pejabat Daerah/Tanah Sabak Bernam, 45300 Sungai Besar, Selangor segala jumlah wang yang sekarang genap masa sebagaimana yang dimasukkan dalam ruangan ketiga hingga enam dalam Jadual itu dan yang dijumlahkan dalam ruangan akhirnya.

Dan ambil perhatian bahawa, jika jumlah/mana-mana daripada jumlah yang dinyatakan di ruangan akhir itu tidak dibayar dengan sepenuhnya dalam tempoh tiga (3) bulan tersebut, maka saya yang bertandatangan di bawah ini, menurut kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen 100 Kanun Tanah Negara, akan mengisytiharkan dengan jalan perintah tanah/tanah-tanah berkenaan dilucuthak kepada Pihak Berkuasa Negeri.

## JADUAL TANAH DAN HUTANG-HUTANG

Perihal dan No. Hakmilik	No. Lot/P.T.	Sewa tahun ini	Tunggakan dari tahun-tahun yang lepas	Fee-fee, dll., yang dikenakan sebagai sewa Notis 6A	Tunggakan Fee/Fee-fee	Jumlah kena dibayar
(1)	(2)	(3)	(4)	(5)	(6)	(7)
G.M.		RM	RM	RM	RM	RM
6179	6174	40.25	422.75	20.00	546.75	1,029.75
Mukim Sabak						

Bertarikh 27 Jun 2018  
[PTSB. 2/18/3 Sj 237]

*Pentadbir Tanah  
Sabak Bernam*

**No. 4248.**

(Seksyen 97 dan 98)

## NOTIS TUNTUTAN: TUNGGAKAN SEWA

Kepada Best Excel Sdn. Bhd. (No. Syarikat: 249020-K) yang beralamat di Tingkat 22, Menara Maxisegar, Jalan Pandan Indah 4/2, 55100 Pandan Indah, Kuala Lumpur, tuannya tanah/tanah-tanah yang tersebut dalam ruangan satu dan dua dalam Jadual di bawah ini.

Bahawasanya sewa yang dikenakan bagi tanah/tanah-tanah tersebut dan yang genap masa berkenaan dengan tahun ini masih belum dibayar dan, mulai 1hb Jun, adalah dalam tunggakan.

Kamu adalah dengan ini dikehendaki, dalam tempoh tiga (3) bulan dari tarikh notis ini disampaikan, supaya membayar di Pejabat Tanah Hulu Selangor di Kuala Kubu Bharu segala jumlah wang yang sekarang genap masa sebagaimana yang dimasukkan dalam ruangan ketiga (3) hingga enam (6) dalam Jadual itu dan yang dijumlahkan dalam ruangan akhirnya.

Dan ambil perhatian bahawa, jika jumlah/mana-mana daripada jumlah yang dinyatakan di ruangan akhir itu tidak dibayar dengan sepenuhnya dalam tempoh tiga (3) bulan yang tersebut itu maka saya bertandatangan di bawah ini, menurut kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen 100 Kanun Tanah Negara, akan mengisytiharkan dengan jalan perintah tanah/tanah-tanah berkenaan dilucuthak kepada Pihak Berkuasa Negeri.

## JADUAL TANAH DAN TUNGGAKAN

Perihal dan No. Hakmilik	No. Lot	Sewa tahun ini	Tunggakan dari tahun-tahun	Fee-fee dll., yang dikenakan sebagai hasil	Tunggakan Fee/ (Tunggakan denda lewat dan denda lewat semasa) dan bayaran terkurang	Jumlah kena dibayar
(1)	(2)	(3)	(4)	(5)	(6)	(7)
		RM	RM	RM	RM	RM
GRN 98699	21438 Seksyen 20	287.00	3,721.00	20.00 Bayaran Notis 6A	3,107.90	7,135.90

Mukim  
Bandar Serendah

Bertarikh 20 Julai 2018  
[PTHS. 6/3-1076]

*Pentadbir Tanah  
Hulu Selangor*

## TAMBAHAN

Kepada Arab-Malaysian Merchant Bank Berhad (kini di kenali sebagai AmBank (M) Berhad) yang beralamat di Tingkat 22, Bangunan AmBank Group, 55 Jalan Raja Chulan, 50200 Kuala Lumpur, dan/atau di alamat AmBank (M) Berhad, Level 3, Menara AmBank, 8 Jalan Yap Kwan Seng, 50450 Kuala Lumpur, Malaysia. Pemegang gadaian No. Perserahan: 25105/1996 Jilid 94, Folio 83.

Sekiranya kamu ada sebab mempercayai bahawa tuannya bagi tanah yang dijadualkan di atas dalam mana kamu mempunyai atau menuntut sesuatu kepentingan akan mungkir daripada membayar wang-wang yang sekarang ini ditetapkan sebagai kena dibayar, maka kamu boleh mengelakkan pelucuthakan tanah tersebut dengan membayar sepenuhnya kepada Pentadbir Tanah, dalam tempoh yang dinyatakan, jumlah yang dinyatakan berkenaan dengan tanah itu.

Dan ambil perhatian bahawa (tanpa menjejaskan apa-apa hak di bawah seksyen itu untuk mendakwa tuannya itu secara terus), hak-hak istimewa yang berikut untuk mendapat balik bayaran-bayaran wujud menurut kuasa peruntukan-peruntukan seksyen 98 Kanun Tanah Negara—

- (a) apa-apa jumlah wang yang dibayar oleh pemegang gadaian hendaklah ditambahkan kepada bayaran yang pertama yang kemudiannya kena dibayar atas gadaian itu;
- (b) apa-apa jumlah wang yang dibayar oleh pemajak, pemajak kecil ataupun tenan boleh didapatkan balik dengan memotong amaun itu daripada apa-apa sewa yang pada masa itu atau kemudiannya kena dibayar olehnya kepada tuannya tanah itu atau kepada sesiapa yang memegang tanah itu;

- (c) mana-mana pemajak, pemajak kecil atau tenan yang menanggung apa-apa tanggungan tambahan atau dialami apa-apa potongan di bawah seksyen itu boleh mendapat balik amaun yang ditanggung atau dipotong itu dengan membuat potongan yang bersamaan daripada amaun sewa yang kena dibayar olehnya.

Bertarikh 20 Julai 2018

*Pentadbir Tanah  
Hulu Selangor*

**No. 4249.**

(Seksyen 97 dan 98)

NOTIS TUNTUTAN: TUNGGAKAN SEWA

Kepada Lee Lay Leong yang beralamat di 234 Persiaran Sungai Kera, 42100 Taman Klang Utama, 42100 Klang, Selangor, tuannya tanah/tanah-tanah yang diperihalkan dalam ruangan pertama dan kedua dalam Jadual di bawah ini.

Bahawasanya sewa yang dikenakan bagi tanah/tanah-tanah yang tersebut dan yang genap masa berkenaan dengan tahun ini masih belum dibayar dan mulai dari 1hb Jun, adalah dalam tunggakan.

Kamu adalah dengan ini dikehendaki, dalam tempoh tiga bulan dari tarikh notis ini disampaikan, supaya membayar di Pejabat Tanah/Daerah Kuala Selangor segala jumlah wang yang sekarang genap masa sebagaimana yang dimasukkan dalam ruangan ketiga hingga enam dalam Jadual itu dan yang dijumlahkan dalam ruangan akhirnya.

Dan ambil perhatian bahawa, jika jumlah/mana-mana daripada jumlah yang dinyatakan di ruangan akhir itu tidak dibayar dengan sepenuhnya dalam tempoh tiga bulan tersebut, maka saya yang bertandatangan di bawah ini, menurut kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen 100 Kanun Tanah Negara, akan mengisytiharkan dengan jalan perintah tanah/tanah-tanah berkenaan dilucuthak kepada Pihak Berkuasa Negeri.

JADUAL TANAH DAN TUNGGAKAN

Perihal dan No. Hakmilik	No. Lot	Sewa tahun ini	Tunggakan dari tahun-tahun yang lepas	Fee-fee, dll., yang dikenakan sebagai sewa Notis 6A	Tunggakan Fee/fee-fee	Jumlah kena dibayar
(1)	(2)	(3) RM	(4) RM	(5) RM	(6) RM	(7) RM
Geran 253583	12267	56.20	471.60	20.00	161.10	708.90
Mukim Jeram						

Bertarikh 15 Ogos 2018  
[PTKS. 2A/42/389/16 (6)]

*Pentadbir Tanah  
Kuala Selangor*

**No. 4250.**

(Seksyen 130)

## NOTIS PERKEMBALIAN TANAH KEPADA KERAJAAN

Bahawasanya, menurut peruntukan-peruntukan seksyen 100/129 Kanun Tanah Negara, tanah yang dijadualkan di bawah ini telah dengan jalan perintah diisytiharkan dilucuthak kepada Pihak Berkuasa Negeri.

Notis adalah dengan ini diberi bahawa perlucuthakan tersebut telah berkuat kuasa pada hari ini dan bahawa, oleh kerana tanah itu menjadi kepunyaan Pihak Berkuasa Negeri—

- (a) apa-apa jua hakmilik atau kepentingan atas tanah itu yang dahulunya ada atau yang boleh timbul adalah dipadamkan; dan
- (b) dokumen hakmilik keluaran bagi tanah itu adalah tidak sah dan boleh dirampas oleh Kerajaan.

## JADUAL TANAH YANG DILUCUTHAK

Mukim—Kalumpang. No. Lot—385. Perihal dan No. Hakmilik—P.M. 6  
Pemilik: Syarikat Katajasa Sdn. Bhd. (No. Syarikat: 181003-P) (1/1 bhg.).  
Luas—1.552 hektar.

Bertarikh 15 Oktober 2018  
[PTUS. 6/3-1064]

*Pentadbir Tanah  
Hulu Selangor*

**No. 4251.**

(Seksyen 130)

## NOTIS PERKEMBALIAN TANAH KEPADA KERAJAAN

Bahawasanya, menurut peruntukan-peruntukan seksyen 100/129 Kanun Tanah Negara, tanah yang dijadualkan di bawah ini telah dengan jalan perintah diisytiharkan dilucuthak kepada Pihak Berkuasa Negeri.

Notis adalah dengan ini diberi bahawa perlucuthakan tersebut telah berkuat kuasa pada hari ini dan bahawa, oleh kerana tanah itu menjadi kepunyaan Pihak Berkuasa Negeri—

- (a) apa-apa jua hakmilik atau kepentingan atas tanah itu yang dahulunya ada atau yang boleh timbul adalah dipadamkan; dan
- (b) dokumen hakmilik keluaran bagi tanah itu adalah tidak sah dan boleh dirampas oleh Kerajaan.

## JADUAL TANAH YANG DILUCUTHAK

Mukim—Buluh Telor. No. Lot—542. Perihal dan No. Hakmilik—Geran Mukim  
2334 Pemilik: Choo Kok Leong (1/4 bhg.), Choo Kok Thye (1/4 bhg.) dan  
Tan Chia (1/2 bhg.). Luas—3.1363 hektar.

Bertarikh 15 Oktober 2018  
[PTHS. 6/3-17]

*Pentadbir Tanah  
Hulu Selangor*



**No. 4252.**

(Seksyen 130)

## NOTIS PERKEMBALIAN TANAH KEPADA KERAJAAN

Bahawasanya, menurut peruntukan-peruntukan seksyen 100/129 Kanun Tanah Negara, tanah yang dijadualkan di bawah ini telah dengan jalan perintah diisytiharkan dilucuthak kepada Pihak Berkuasa Negeri.

Notis adalah dengan ini diberi bahawa perlucuthakan tersebut telah berkuat kuasa pada hari ini dan bahawa, oleh kerana tanah itu menjadi kepunyaan Pihak Berkuasa Negeri—

- (a) apa-apa jua hakmilik atau kepentingan atas tanah itu yang dahulunya ada atau yang boleh timbul adalah dipadamkan; dan
- (b) dokumen hakmilik keluaran bagi tanah itu adalah tidak sah dan boleh dirampas oleh Kerajaan.

## JADUAL TANAH YANG DILUCUTHAK

Mukim—Kajang. No. Lot—12610. Perihal dan No. Hakmilik—Rumah Kediaman (H.S.(M) 3025) (Ulu Langat Realty Sdn. Bhd.). Luas—173.4443 meter persegi.

Bertarikh 23 Oktober 2018  
[PTDUL/H/08/38/04D/68]

DATO' HAJI ROSLI BIN OTHMAN  
*Pentadbir Tanah*  
*Hulu Langat*

**No. 4253.**

(Seksyen 130)

## NOTIS PERKEMBALIAN TANAH KEPADA KERAJAAN

Bahawasanya, menurut peruntukan-peruntukan seksyen 100/129 Kanun Tanah Negara, tanah yang dijadualkan di bawah ini telah dengan jalan perintah diisytiharkan dilucuthak kepada Pihak Berkuasa Negeri.

Notis adalah dengan ini diberi bahawa perlucuthakan tersebut telah berkuat kuasa pada hari ini dan bahawa, oleh kerana tanah itu menjadi kepunyaan Pihak Berkuasa Negeri—

- (a) apa-apa jua hakmilik atau kepentingan atas tanah itu yang dahulunya ada atau yang boleh timbul adalah dipadamkan; dan
- (b) dokumen hakmilik keluaran bagi tanah itu adalah tidak sah dan boleh dirampas oleh Kerajaan.

## JADUAL TANAH YANG DILUCUTHAK

Mukim—Ampang. No. P.T.—17473. Perihal dan No. Hakmilik—Rumah Kedai (H.S.(M) 18033) (Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor). Luas—127 meter persegi.

Bertarikh 23 Oktober 2018  
[PDHL/H/08/38/01/38]

DATO' HAJI ROSLI BIN OTHMAN  
*Pentadbir Tanah*  
*Hulu Langat*

**No. 4254.**

(Seksyen 130)

## NOTIS PERKEMBALIAN TANAH KEPADA KERAJAAN

Bahawasanya, menurut peruntukan-peruntukan seksyen 100/129 Kanun Tanah Negara, tanah yang dijadualkan di bawah ini telah dengan jalan perintah diisytiharkan dilucuthak kepada Pihak Berkuasa Negeri.

Notis adalah dengan ini diberi bahawa perlucuthakan tersebut telah berkuat kuasa pada hari ini dan bahawa, oleh kerana tanah itu menjadi kepunyaan Pihak Berkuasa Negeri—

- (a) apa-apa jua hakmilik atau kepentingan atas tanah itu yang dahulunya ada atau yang boleh timbul adalah dipadamkan; dan
- (b) dokumen hakmilik keluaran bagi tanah itu adalah tidak sah dan boleh dirampas oleh Kerajaan.

## JADUAL TANAH YANG DILUCUTHAK

Mukim—Hulu Langat. No. Lot—2944. Perihal dan No. Hakmilik—Pertanian (G.M. 2283) (Ujang bin Bakharan). Luas—1.1508 hektar.

Bertarikh 23 Oktober 2018  
[PTDUL/H/08/38/06/199]

DATO' HAJI ROSLI BIN OTHMAN  
*Pentadbir Tanah*  
*Hulu Langat*

**No. 4255.**

(Seksyen 130)

## NOTIS PERKEMBALIAN TANAH KEPADA KERAJAAN

Bahawasanya, menurut peruntukan-peruntukan seksyen 100/129 Kanun Tanah Negara, tanah yang dijadualkan di bawah ini telah dengan jalan perintah diisytiharkan dilucuthak kepada Pihak Berkuasa Negeri.

Notis adalah dengan ini diberi bahawa perlucuthakan tersebut telah berkuat kuasa pada hari ini dan bahawa, oleh kerana tanah itu menjadi kepunyaan Pihak Berkuasa Negeri—

- (a) apa-apa jua hakmilik atau kepentingan atas tanah itu yang dahulunya ada atau yang boleh timbul adalah dipadamkan; dan
- (b) dokumen hakmilik keluaran bagi tanah itu adalah tidak sah dan boleh dirampas oleh Kerajaan.

## JADUAL TANAH YANG DILUCUTHAK

Mukim—Cheras. No. Lot—18026. Perihal dan No. Hakmilik—Rumah Pam (G.M. 6174) (Lee Hock Seng). Luas—195 meter persegi.

Bertarikh 23 Oktober 2018  
[PTDUL/H/08/38/03-83]

DATO' HAJI ROSLI BIN OTHMAN  
*Pentadbir Tanah*  
*Hulu Langat*

**No. 4256.**

(Seksyen 130)

## NOTIS PERKEMBALIAN TANAH KEPADA KERAJAAN

Bahawasanya, menurut peruntukan-peruntukan seksyen 100/129 Kanun Tanah Negara, tanah yang dijadualkan di bawah ini telah dengan jalan perintah diisytiharkan dilucuthak kepada Pihak Berkuasa Negeri.

Notis adalah dengan ini diberi bahawa perlucuthakan tersebut telah berkuat kuasa pada hari ini dan bahawa, oleh kerana tanah itu menjadi kepunyaan Pihak Berkuasa Negeri—

- (a) apa-apa jua hakmilik atau kepentingan atas tanah itu yang dahulunya ada atau yang boleh timbul adalah dipadamkan; dan
- (b) dokumen hakmilik keluaran bagi tanah itu adalah tidak sah dan boleh dirampas oleh Kerajaan.

## JADUAL TANAH YANG DILUCUTHAK

Mukim—Cheras. No. Lot—17995. Perihal dan No. Hakmilik—Rumah Kediaman (G.M. 2048) (Lee Hock Leong). Luas—84 meter persegi.

Bertarikh 23 Oktober 2018  
[PTDUL/H/08/38/03/308]

DATO' HAJI ROSLI BIN OTHMAN  
*Pentadbir Tanah  
Hulu Langat*

**No. 4257.**

(Seksyen 130)

## NOTIS PERKEMBALIAN TANAH KEPADA KERAJAAN

Bahawasanya, menurut peruntukan-peruntukan seksyen 100/129 Kanun Tanah Negara, tanah yang dijadualkan di bawah ini telah dengan jalan perintah diisytiharkan dilucuthak kepada Pihak Berkuasa Negeri.

Notis adalah dengan ini diberi bahawa perlucuthakan tersebut telah berkuat kuasa pada hari ini dan bahawa, oleh kerana tanah itu menjadi kepunyaan Pihak Berkuasa Negeri—

- (a) apa-apa jua hakmilik atau kepentingan atas tanah itu yang dahulunya ada atau yang boleh timbul adalah dipadamkan; dan
- (b) dokumen hakmilik keluaran bagi tanah itu adalah tidak sah dan boleh dirampas oleh Kerajaan.

## JADUAL TANAH YANG DILUCUTHAK

Mukim—Cheras. No. Lot—17996. Perihal dan No. Hakmilik—Rumah Kediaman (G.M. 2049) (Lee Hock Leong). Luas—107 meter persegi.

Bertarikh 23 Oktober 2018  
[PTDHL/H/08/38/03-82]

DATO' HAJI ROSLI BIN OTHMAN  
*Pentadbir Tanah  
Hulu Langat*

**No. 4258.**

(Seksyen 130)

NOTIS PERKEMBALIAN TANAH KEPADA KERAJAAN

Bahawasanya, menurut peruntukan-peruntukan seksyen 100/129 Kanun Tanah Negara, tanah yang dijadualkan di bawah ini telah dengan jalan perintah diisytiharkan dilucuthak kepada Pihak Berkuasa Negeri.

Notis adalah dengan ini diberi bahawa perlucuthakan tersebut telah berkuat kuasa pada hari ini dan bahawa, oleh kerana tanah itu menjadi kepunyaan Pihak Berkuasa Negeri—

- (a) apa-apa jua hakmilik atau kepentingan atas tanah itu yang dahulunya ada atau yang boleh timbul adalah dipadamkan; dan
- (b) dokumen hakmilik keluaran bagi tanah itu adalah tidak sah dan boleh dirampas oleh Kerajaan.

JADUAL TANAH YANG DILUCUTHAK

Mukim—Cheras. No. Lot—17994. Perihal dan No. Hakmilik—Rumah Kediaman (G.M. 2047) (Lee Hock Leong). Luas—84 meter persegi.

Bertarikh 23 Oktober 2018  
[PTDUL/H/08/38/03-288]

DATO' HAJI ROSLI BIN OTHMAN  
*Pentadbir Tanah*  
*Hulu Langat*

**No. 4259.**

(Seksyen 130)

NOTIS PERKEMBALIAN TANAH KEPADA KERAJAAN

Bahawasanya, menurut peruntukan-peruntukan seksyen 100/129 Kanun Tanah Negara, tanah yang dijadualkan di bawah ini telah dengan jalan perintah diisytiharkan dilucuthak kepada Pihak Berkuasa Negeri.

Notis adalah dengan ini diberi bahawa perlucuthakan tersebut telah berkuat kuasa pada hari ini dan bahawa, oleh kerana tanah itu menjadi kepunyaan Pihak Berkuasa Negeri—

- (a) apa-apa jua hakmilik atau kepentingan atas tanah itu yang dahulunya ada atau yang boleh timbul adalah dipadamkan; dan
- (b) dokumen hakmilik keluaran bagi tanah itu adalah tidak sah dan boleh dirampas oleh Kerajaan.

## JADUAL TANAH YANG DILUCUTHAK

Pekan—Cheras. No. Lot—10310. Perihal dan No. Hakmilik—Rumah Pam (G.M. 3483) (Ishihara Construction Co. (M) Sdn. Bhd.). Luas—381 meter persegi.

Bertarikh 23 Oktober 2018  
[PTDUL/H/08/38/03-69]

DATO' HAJI ROSLI BIN OTHMAN  
*Pentadbir Tanah*  
*Hulu Langat*

**No. 4260.**

[Subseksyen 142(3)]

NOTIS KEPADA TUANPUNYA BERSAMA MENGENAI PERMOHONAN  
PECAH BAHAGIAN TANAH

1. Kepada Abdul Rahman bin Abdullah beralamat di Lot 7194, Jalan Melati 4, Sungai Kantan Peringkat 2, 43000 Kajang, tuanpunya bersama tanah yang dinyatakan dalam Jadual di bawah.
2. Adalah diberitahu bahawa saya telah menerima satu permohonan pecah bahagian tanah yang dinyatakan dalam Jadual daripada Mohd Jusoh @ Yusoff bin Haji Md Nor beralamat 11 Jalan 2/1E, 43650 Bandar Baru Bangi pada 17 Januari 2018. Bersama-sama ini disertakan pelan cadangan pecah bahagian tersebut.
3. Jika tuan ada apa-apa bantahan, ia hendaklah disampaikan secara bertulis dalam tempoh 28 hari dari tarikh penyampaian notis ini, dengan mengemukakan alasan-alasannya sekali.

## JADUAL

Mukim	No. Lot	Jenis dan No. Hakmilik G.M.	Tuanpunya Bersama	Bahagian yang tidak Dipecahkan
Dengkil	102316	7490	Abdul Rahman bin Abdullah	1/16
			Mat bin Zakaria	1/16
			Mohd Jusoh @ Yusoff bin Haji Md Nor	1/2
			Che Hamid bin Mahmood	2/16
			Mohd Jusoh @ Yusoff bin Haji Md Nor	2/8

Bertarikh 1 Oktober 2018

*Pentadbir Tanah*  
*Sepang*

**No. 4261.**

[Subseksyen 142(3)]

NOTIS KEPADA TUANPUNYA BERSAMA MENGENAI PERMOHONAN  
PECAH BAHAGIAN TANAH

1. Kepada Mat bin Zakaria beralamat di 2 Lot 3062, Jalan Air Hitam, Sungai Merab, 43650 Bandar Baru Bangi, tuanpunya bersama tanah yang dinyatakan dalam Jadual di bawah.
2. Adalah diberitahu bahawa saya telah menerima satu permohonan pecah bahagian tanah yang dinyatakan dalam Jadual daripada Mohd Jusoh @ Yusoff bin Haji Md Nor beralamat 11 Jalan 2/1E, 43650 Bandar Baru Bangi pada 17 Januari 2018. Bersama-sama ini disertakan pelan cadangan pecah bahagian tersebut.
3. Jika tuan ada apa-apa bantahan, ia hendaklah disampaikan secara bertulis dalam tempoh 28 hari dari tarikh penyampaian notis ini, dengan mengemukakan alasan-alasannya sekali.

## JADUAL

Mukim	No. Lot	Jenis dan No. Hakmilik G.M.	Tuanpunya Bersama	Bahagian yang tidak Dipecahkan
Dengkil	102316	7490	Abdul Rahman bin Abdullah	1/16
			Mat bin Zakaria	1/16
			Mohd Jusoh @ Yusoff bin Haji Md Nor	1/2
			Che Hamid bin Mahmood	2/16
			Mohd Jusoh @ Yusoff bin Haji Md Nor	2/8

Bertarikh 1 Oktober 2018

*Pentadbir Tanah  
Sepang***No. 4262.**

[Subseksyen 142(3)]

NOTIS KEPADA TUANPUNYA BERSAMA MENGENAI PERMOHONAN  
PECAH BAHAGIAN TANAH

1. Kepada Abdullah Sani bin Sulong beralamat di 10 Lorong 3, Kg. Sungai Mulia, Gombak, 53000 Kuala Lumpur, tuanpunya bersama tanah yang dinyatakan dalam Jadual di bawah.
2. Adalah diberitahu bahawa saya telah menerima satu permohonan pecah bahagian tanah yang dinyatakan dalam Jadual daripada Budah @ Udah bin Mohsin beralamat Lot 5889, Jalan Ikram, Sungai Merab, 43000 Kajang, pada 12 Julai 2018. Bersama-sama ini disertakan pelan cadangan pecah bahagian tersebut.

3. Jika tuan ada apa-apa bantahan, ia hendaklah disampaikan secara bertulis dalam tempoh 28 hari dari tarikh penyampaian notis ini, dengan mengemukakan alasan-alasannya sekali.

## JADUAL

Mukim	No. Lot	Jenis dan No. Hakmilik G.M.	Tuanpunya Bersama	Bahagian yang tidak Dipecahkan
Dengkil	1734	2250	Abdullah Sani bin Sulong	2/8
			Siti Zaharah binti Musa	307/1246
			Budah @ Uдах bin Mohsin	320/1246
			Ahmad Fathi Nizom bin Md Akhir	307/1246

Bertarikh 1 Oktober 2018

*Pentadbir Tanah  
Sepang***No. 4263.**

[Subseksyen 142(3)]

NOTIS KEPADA TUANPUNYA BERSAMA MENGENAI PERMOHONAN  
PECAH BAHAGIAN TANAH

1. Kepada Siti Zaharah binti Musa, tuanpunya bersama tanah yang dinyatakan dalam Jadual di bawah.
2. Adalah diberitahu bahawa saya telah menerima satu permohonan pecah bahagian tanah yang dinyatakan dalam Jadual daripada Budah @ Uдах bin Mohsin beralamat Lot 5889, Jalan Ikram, Sungai Merab, 43000 Kajang, pada 12 Julai 2018. Bersama-sama ini disertakan pelan cadangan pecah bahagian tersebut.
3. Jika tuan ada apa-apa bantahan, ia hendaklah disampaikan secara bertulis dalam tempoh 28 hari dari tarikh penyampaian notis ini, dengan mengemukakan alasan-alasannya sekali.

## JADUAL

Mukim	No. Lot	Jenis dan No. Hakmilik G.M.	Tuanpunya Bersama	Bahagian yang tidak Dipecahkan
Dengkil	1734	2250	Abdullah Sani bin Sulong	2/8
			Siti Zaharah binti Musa	307/1246
			Budah @ Uдах bin Mohsin	320/1246
			Ahmad Fathi Nizom bin Md Akhir	307/1246

Bertarikh 1 Oktober 2018

*Pentadbir Tanah  
Sepang*

**No. 4264.**

[Subseksyen 142(3)]

NOTIS KEPADA TUANPUNYA BERSAMA MENGENAI PERMOHONAN  
PECAH BAHAGIAN TANAH

Kepada Sabariah binti Yahya, tuanpunya bersama tanah yang dinyatakan dalam Jadual di bawah.

1. Adalah diberitahu bahawa saya telah menerima satu permohonan pecah bahagian tanah yang dinyatakan dalam Jadual daripada Azlim bin Sarbani. Bersama-sama ini disertakan 1 keping pelan cadangan pecah bahagian tersebut.
2. Jika tuan ada apa-apa bantahan, ia hendaklah disampaikan secara bertulis dalam tempoh 28 hari dari tarikh penyampaian notis ini dengan mengemukakan alasan-alasannya sekali.

## JADUAL

Mukim	No. Lot	Jenis dan No. Hakmilik G.M.	Tuanpunya Bersama	Bahagian yang tidak Dipecahkan
Tanjung Duabelas	2126	2126	Jawiah binti Hassan	105/2880 bhg.
			Sabariah binti Yahya	4/32 bhg.
			Ainah binti Ramli	49/2880 bhg.
			Kapsah binti Ramli	49/2880 bhg.
			Saiyah binti Ramli	49/2880 bhg.
			Azlim bin Sarbani	7/24 bhg.
			Salleh bin Taberi	7/24 bhg.
			Baharuddin bin Ramle	98/2880 bhg.
			Mahmud bin Ramli	98/2880 bhg.
			Mahmud bin Ramli (pemegang amanah)	392/2880 bhg.

Bertarikh 16 Oktober 2018  
[PTK.Lgt. 1/15/49/2018 (PB)]

*Pentadbir Tanah  
Hulu Langat*

**No. 4265.**

[Subseksyen 142(3)]

NOTIS KEPADA TUANPUNYA BERSAMA MENGENAI PERMOHONAN  
PECAH BAHAGIAN TANAH

1. Kepada Tan Ching San (1/12 bhg.) (KP. 810616-10-5113) beralamat 176 Jalan Jarak, 41400 Klang dan Yeoh Chin Huat (1/60 bhg.) (KP. 790319-10-5963 beralamat Lot 6294, Batu 3 1/2, Jalan Kapar, 41050 Klang.
2. Adalah diberitahu bahawa saya telah menerima satu permohonan pecah bahagian tanah yang dinyatakan dalam Jadual daripada Delpro Construction Sdn. Bhd. (29/60 bhg.) (No. Syarikat: 895266-X), Golden Canal Sdn. Bhd. (1/30 bhg.) (No. Syarikat: 244362-H), Bok Siang @ Ng Bok Siang (1/30 bhg.)



(KP. 7889425), Foo Chee Cheong (1/30 bhg.) (KP. 691005-08-5193).  
Lim Cheng Lai (1/30 bhg.) (KP. 541014-10-5965) dan Lim Cheng Lai  
(3/10 bhg.) (KP. 541014-10-5965) pada 3 September 2018.

3. Pelan cadangan pecah bahagian tersebut boleh disemak di Unit Pembangunan Tanah, Pejabat Daerah/Tanah Klang pada waktu Pejabat.
4. Jika tuan ada apa-apa bantahan, ia hendaklah disampaikan secara bertulis dalam tempoh 28 hari dari tarikh penyampaian notis ini dengan mengemukakan alasan-alasannya sekali.

JADUAL

Mukim	No. Lot	Jenis dan No. Hakmilik	Tuanpunya Bersama	Bahagian tanah yang Didaftarkan	Luas bahagian yang berkenaan	Tanda dalam pelan yang menunjukkan bahagian			
		GRN			Hektar				
Kapar	47026	6505	Tan Ching San	1/12	0.4098	Bahagian A			
			Delpro Construction Sdn. Bhd.	29/60					
			Golden Canal Sdn. Bhd.	1/30	4.1793	Bahagian B			
			Lim Cheng Lai	1/30					
			Lim Cheng Lai	3/10					
						Bok Siang @ Ng Bok Siang	1/30	0.3278	Bahagian C
						Foo Chee Cheong	1/60		
			Yeoh Chin Huat	1/60					

Bertarikh 18 Oktober 2018  
[PDTK/T/PT/600-3/5/2018-52]

AHMAD FITRI BIN AHMAD  
*Penolong Pentadbir Tanah  
Klang*

**No. 4266.**

(Seksyen 168)

NOTIS MENGENAI CADANGAN HENDAK MENGELUARKAN  
HAKMILIK SAMBUNGAN (ATAU SURATAN YANG DIKELUARKAN  
YANG BARU SEBAGAI GANTINYA)

